



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KOMUNIKASI LISAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT CHE WONG,
PAHANG***

SYAMSIDAH BINTI SAAD

FBMK 2015 32



**KOMUNIKASI LISAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT CHE WONG,
PAHANG**

Oleh

SYAMSIDAH BINTI SAAD

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

April 2015

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera

KOMUNIKASI LISAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT CHE WONG, PAHANG

Oleh

SYAMSIDAH BINTI SAAD

April 2015

Pengerusi : Profesor Madya Raja Masittah bt Raja Ariffin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk memerihalkan komunikasi lisan dalam masyarakat Che Wong. Masyarakat Che Wong majoritinya terdapat di daerah Lanchang, Pahang dan merupakan antara suku Orang Asli yang diancam kepupusan, iaitu hanya terdapat sekitar 500-600 orang. Pemilihan tajuk ini berdasarkan fenomena yang dilihat semasa pengkaji menyertai Program Tinjau Budaya dan Klinik Bahasa Orang Asli Che Wong dan Semelai, Pahang (2010) didapati bahawa masyarakat Che Wong lebih bersikap pemalu dan sukar untuk berkomunikasi, terutama sekali para majanya berbanding dengan masyarakat Semelai yang lebih peramah dan sudah dipengaruhi dengan budaya masyarakat luar. Rentetan daripada fenomena tersebut, pengkaji merasakan bahawa kajian ini perlu dilakukan untuk mengetahui komunikasi lisan mereka terutama sekali dalam kalangan remaja yang merupakan pewaris generasi akan datang. Oleh itu, objektif kajian ini ialah menghuraikan bentuk bahasa dalam komunikasi lisan remaja masyarakat Che Wong di Perkampungan Kuala Gandah berdasarkan Kerangka Etnografi Komunikasi Savillie-Troike (2003), kedua meneliti dan membincangkan komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan remaja masyarakat Che Wong dan yang terakhir ialah membincangkan status dan kedudukan bahasa Che Wong dalam kalangan remaja khususnya dan masyarakat umumnya. Data kajian diperoleh daripada hasil temu bual, soal selidik, pemerhatian dan rakaman. Di samping penggunaan Kerangka Etnografi Komunikasi Savillie-Troike (2003), pengkaji turut menggunakan, Teori Mandala yang meliputi mandala kekeluargaan dan kemasyarakatan serta Teori Tipologi Keterancaman Bahasa yang merangkumi Kerangka Edward dan Model Sasse untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan status dan kedudukan bahasa masyarakat Che Wong. Data akan dianalisis mengikut pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Berdasarkan kepada dapatan kajian didapati bahawa remaja menggunakan pelbagai bentuk bahasa dalam berkomunikasi. Walau bagaimanapun, kebanyakan remaja mempunyai komunikasi lisan bahasa Melayu yang lemah dan kurang memberangsangkan. Para remaja mempunyai kosa kata bahasa Melayu yang terhad disebabkan kurang bergaul dan berkomunikasi dalam bahasa Melayu tetapi keadaan ini telah memberikan kelebihan kepada bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Che Wong. Berdasarkan kepada soal selidik dan pemerhatian yang dilakukan didapati bahasa Che Wong berada di tahap yang memuaskan dan tidak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa lain. Kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat memberikan maklumat tentang komunikasi lisan dalam masyarakat Che Wong.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera

KOMUNIKASI LISAN DALAM MASYARAKAT CHE WONG, PAHANG

Oleh

SYAMSIDAH BINTI SAAD

April 2015

Pengerusi : Profesor Madya Raja Masittah bt Raja Ariffin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk memerihalkan komunikasi lisan dalam masyarakat Che Wong. Masyarakat Che Wong majoritinya terdapat di daerah Lanchang, Pahang dan merupakan antara suku Orang Asli yang diancam kepupusan, iaitu hanya terdapat sekitar 500-600 orang. Pemilihan tajuk ini berdasarkan fenomena yang dilihat semasa pengkaji menyertai Program Tinjau Budaya dan Klinik Bahasa Orang Asli Che Wong dan Semelai, Pahang (2010) didapati bahawa masyarakat Che Wong lebih bersikap pemalu dan sukar untuk berkomunikasi, terutama sekali para remajanya berbanding dengan masyarakat Semelai yang lebih peramah dan sudah dipengaruhi dengan budaya masyarakat luar. Rentetan daripada fenomena tersebut, pengkaji merasakan bahawa kajian ini perlu dilakukan untuk mengetahui komunikasi lisan mereka terutama sekali dalam kalangan remaja yang merupakan pewaris generasi akan datang. Oleh itu, objektif kajian ini ialah menghuraikan bentuk bahasa dalam komunikasi lisan remaja masyarakat Che Wong di Perkampungan Kuala Gandah berdasarkan Kerangka Etnografi Komunikasi Savillie-Troike (2003), kedua meneliti dan membincangkan komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan remaja masyarakat Che Wong dan yang terakhir ialah membincangkan status dan kedudukan bahasa Che Wong dalam kalangan remaja khususnya dan masyarakat umumnya. Data kajian diperoleh daripada hasil temu bual, soal selidik, pemerhatian dan rakaman. Di samping penggunaan Kerangka Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003), pengkaji turut menggunakan, Teori Mandala yang meliputi mandala kekeluargaan dan kemasyarakatan serta Teori Tipologi Keterancaman Bahasa yang merangkumi Kerangka Edward dan Model Sasse untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan status dan kedudukan bahasa masyarakat Che Wong. Data akan dianalisis mengikut pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Berdasarkan kepada dapatan kajian didapati bahawa remaja menggunakan pelbagai bentuk bahasa dalam berkomunikasi. Walau bagaimanapun, kebanyakan remaja mempunyai komunikasi lisan bahasa Melayu yang lemah dan kurang memberangsangkan. Para remaja mempunyai kosa kata bahasa Melayu yang terhad disebabkan kurang bergaul dan berkomunikasi dalam bahasa Melayu tetapi keadaan ini telah memberikan kelebihan kepada bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Che Wong. Berdasarkan kepada soal selidik dan pemerhatian yang dilakukan didapati bahasa Che Wong berada di tahap yang memuaskan dan tidak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa lain. Kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat memberikan maklumat tentang komunikasi lisan dalam masyarakat Che Wong.

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

ORAL COMMUNICATION IN THE CHE WONG COMMUNITIES, PAHANG

By

SYAMSIDAH BINTI SAAD

April 2015

Chairman : Associate Professor Raja Masittah bt Raja Ariffin, Phd
Faculty : Modern Languages and Communication

This research was conducted to describe the verbal communication in Che Wong community. Majority of Che Wong community live in the district of Lancang, Pahang and among the Orang Asli tribe threatened with extinction, that there are only about 500-600 people. The title selection based on the phenomenon observed during the assessment by “Program Tinjau Budaya and Klinik Bahasa Orang Asli Che Wong and Semelai, Pahang (2010)”. It found that the society Che Wong community is shy and difficult to communicate, especially the youth compared to the Semelais who are more friendly and has been influenced by foreign cultures. From the sequence of the phenomenon the researcher felt that this study should be conducted to determine their oral communication, especially among teenagers who are the inheritors of their future generation. The objectives of this study is to describe a form of language in verbal communication among adolescent of the Che Wong community in Kuala Gandah based on the framework of Ethnography of Communication Savillie-Troike (2003). The study discussed the oral communication in Malay language among the Che Wong teenager and lastly is discuss about the position and status of Che Wong languages among teenagers in particular and society in general. Data were obtained from the results of interviews, questionnaires, observation and recording. In addition to the use of Ethnography of Communication Framework Saville-Troike (2003), the researcher have also used Domain Theory which include domains of family and community. The theory of language vulnerability typology that includes Edward’s Framework and Sasse’s Model were applied to obtain information related to the position and status among Che Wong community. Data will be analyzed by qualitative and quantitative approaches, based on the findings of the study found that teenagers use different forms of language in communication. However, most teenagers have a weak and lackluster Malay oral communication skill. The teenagers have a limited Malay vocabulary due to lack of mixing and communicate in languages other than Malay, but this situation has been more favorable to their mother tongue, the language of Che Wong. Based on the result

of questionnaires and observation out available, Che Wong languages is found be on a satisfactory level and not much be influenced by other languages. This study is expected to provide information about oral communication in the society of Che Wong.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim...

Dengan nama Allah Yang Amat Pemurah Lagi Amat Mengasihani.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas kudrat dan kekuatan yang diberikan-Nya tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna walaupun terdapat beberapa kesusahan dan halangan yang dihadapi. Justeru, tidak dilupakan juga kepada mereka yang telah banyak berkorban masa dan tenaga, memberi kata-kata nasihat sebagai pemangkin semangat dan kerjasama serta sokongan yang tidak berbelah bahagi.

Buat penyelia yang terlalu banyak membantu,

Prof Madya Dr. Raja Masittah Bt Raja Ariffin,

Dr. Haji Mohd Sharifudin Bin Yusop

Budi dan jasa yang kalian curahkan selama ini

hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya.

Buat keluarga tersayang,

Ibu Tom Binti Kasim, Ibu Mertua Wan Kamariah & Bapa Mertua Abd Rahman

Serta adik-beradik yang dikasihi

Tanpa doa dan semangat daripada kalian, diri ini bukanlah sesiapa.

Buat arwah ayah Saad Bin Saud,

Tenanglah dikau disana,

Juga terima kasih

Kerana meminjamkan semangatmu

Untukku terus berjaya,

Hanya kiriman Al- Fatihah sebagai pengubat rindu padamu.

Buat suami Mohd Asrul Azwan dan anak tercinta Mohammad Amsyar yang sentiasa berada di sisi,

Terima kasih di atas segala sokongan dan dorongan kalian

Yang tidak pernah mengenal erti jemu.

Buat rakan seperjuangan,

Sesungguhnya kalianlah teman yang menjadi sumber inspirasi buatku.





© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penilaian adalah seperti berikut:

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Hj. Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PHD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/*fabrikasi* data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Syamsidah Binti Saad, GS32633

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa :

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Profesor Madya Raja Masittah Bt Raja Ariffin
Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan

Tandatangan: _____
Dr. Hj. Mohd Sharifudin Bin Yusop
Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB	
1	PENDAHULUAN
1.1	Latar Belakang Kajian 1
1.2	Sejarah Masyarakat Orang Asli di Malaysia 4
1.3	Latar Belakang Masyarakat Suku Bangsa Senoi 6
1.4	Pernyataan Masalah 8
1.5	Objektif Kajian 10
1.6	Kepentingan Kajian 11
	1.61 Para Guru 11
	1.62 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) 12
	1.63 Pengkaji Bidang yang Berkaitan 13
1.7	Kaedah Kajian 13
1.8	Batasan Kajian 14
1.9	Definisi Konsep 15
	1.91 Komunikasi Lisan 15
	1.92 Bahasa Melayu 15
	1.93 Remaja 16
	1.94 Orang Asli 16
1.10	Kesimpulan 18
2	SOROTAN KAJIAN
2.1	Pengenalan 19
2.2	Kajian berkaitan dengan Komunikasi Lisan 19
2.3	Kajian berkaitan dengan Teori Etnografi Komunikasi 21
2.4	Kajian berkaitan dengan Masyarakat Orang Asli 23
2.5	Kesimpulan 25

3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
	3.2.1 Teori Etnografi Komunikasi	27
	3.2.2 Teori Tipologi Keterancaman Bahasa	28
	3.2.3 Mandala Penggunaan Dialek	31
3.3	Kerangka Konseptual	32
3.4	Lokasi Kajian	34
3.5	Populasi dan Persampelan	34
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	34
	3.6.1 Kaedah Temu Bual	35
	3.6.2 Kaedah Pemerhatian	37
	3.6.3 Kaedah Rakaman	37
	3.6.4 Kaedah Transkripsi Perbualan	37
	3.6.5 Kaedah Lafaz	38
	3.6.6 Kaedah Kepustakaan	38
	3.6.7 Soal Selidik	38
	3.6.8 Penganalisan Data	39
3.7	Kajian Rintis	39
3.7.1	Perbincangan Ringkasan tentang Data Kajian Rintis	40
3.7.2	Dapatan Kajian Rintis	40
3.8	Kajian Sebenar	41
3.9	Kesimpulan	41
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Bentuk Bahasa dalam Komunikasi Lisan Remaja Masyarakat Che Wong	42
	4.1.1 Hentian (Pause)	42
	4.1.2 Bunyi Bukan Verbal	44
	4.1.3 Penukaran Kod	46
	4.1.4 Penyoalan	49
	4.1.5 Pengulangan	51
	4.1.5.1 Jenis-jenis Pengulangan	52
	4.1.6 Kesopanan	56
4.2	Komunikasi Lisan Bahasa Melayu dalam kalangan Remaja Masyarakat Che Wong	58
	4.2.1 Genre	58
	4.2.2 Topik	60
	4.2.3 Tujuan	61
	4.2.4 Latar	64
	4.2.5 Ragam	65
	4.2.6 Peserta	67
	4.2.7 Bentuk Mesej	69
	4.2.8 Kandungan Mesej	72
	4.2.9 Urutan Lakuan	73
	4.2.10 Peraturan Interaksi	74
	4.2.11 Norma-norma Interpretasi	75
4.3	Status dan Kedudukan Bahasa Che Wong	77

4.3.1	Jantina	78
	4.3.1.1 Taburan Jantina Responden OACW	78
4.3.2	Kumpulan Umur	80
	4.3.2.1 Taburan KumpulanUmur Responden OACW	80
4.3.3	Tempat kelahiran	82
	4.3.3.1 Taburan Tempat Kelahiran OACW	82
4.3.4	Keturunan ibu bapa	82
	4.3.4.1 Taburan Keturunan Ibu Bapa Responden OACW	82
4.3.5	Pendidikan	82
	4.3.5.1 Taburan Taraf Pendidikan Responden OACW	83
4.3.6	Pekerjaan	83
	4.3.6.1 Taburan Pekerjaan Responden OACW	84
4.3.7	Status Perkahwinan	85
	4.3.7.1 Taburan Perkahwinan Responden OACW	85
4.3.8	Kebolehan Berbahasa	86
4.3.9	Pemilihan Bahasa Masyarakat Che Wong	87
4.3.10	Pemilihan Bahasa Che Wong dalam Mandala Kekeluargaan	88
	4.3.10.1 Ibu	88
	4.3.10.2 Bapa	89
	4.3.10.3 Adik-beradik	90
	4.3.10.4 Datuk dan Nenek	90
	4.3.10.5 Saudara mara	91
4.3.11	Pemilihan Bahasa Che Wong dalam Mandala Kemasyarakatan	92
	4.3.11.1 Perbualan dengan kawan-kawan	92
	4.3.11.2 Perbualan dengan jiran	92
	4.3.11.3 Perbualan dengan masyarakat luar	93
	4.3.11.4 Perbualan dalam pelbagai situasi	94
	4.3.11.5 Pemilihan bahasa ketika bertegur sapa	95
	4.3.11.6 Pemilihan bahasa ketika berjual beli	95
	4.3.11.7 Pemilihan bahasa ketika bermain	96
	4.3.11.8 Pemilihan bahasa ketika berada di majlis adat	97
	4.3.11.9 Pemilihan bahasa ketika menyanyi	98
	4.3.11.10 Pemilihan bahasa ketika mengira	98
	4.3.11.12 Pemilhan bahasa ketika berjenaka	99
	4.3.11.13 Pemilihan bahasa ketika memarahi seseorang	100
	4.3.11.14 Pemilihan bahasa ketika menyatakan perasaan sayang	100
	4.3.11.15 Pemilihan bahasa ketika berfikir	101
	4.3.11.16 Pemilihan bahasa ketika berbincang secara serius	102
4.3.12	Data dan Analisis Sikap Penutur Terhadap Bahasa Che Wong	103
	4.3.12.1 Perasaan Masyarakat Orang Asli Che Wong terhadap Bahasa Che	

	Wong	103
4.3.12.2	Penilaian Tentang Pembelajaran Bahasa Che Wong	104
4.3.12.3	Keperluan BCW dalam kalangan Anggota Penduduk Che Wong	104
4.3.12.4	Keperluan BCW dalam kalangan Anggota Keluarga	105
4.3.12.5	Keperluan Kanak-Kanak Che Wong Belajar BCW	106
4.3.12.6	Keperluan Orang Dewasa Che Wong Belajar BCW	107
4.3.12.7	Keperluan BCW Diajarkan di Sekolah	107
4.3.12.8	Keperluan BCW dalam Adat dan Agama	108
4.3.12.9	Keperluan Orang lain Mengetahui BCW	109
4.3.12.10	Ramalan Masa Hadapan BCW	110
4.3.12.11	Kaitan BCW dengan Identiti Orang Che Wong	110
4.3.12.12	Pengetahuan tentang Asal Usul BCW	111
4.3.12.13	Komuniti BCW di Tempat lain	112
4.3.12.14	Identifikasi Diri	113
4.3.12.15	Pengetahuan Cara Melestari BCW	113
4.3.13	Kesimpulan	114
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Kesimpulan	116
5.2	Rasional Teori	120
5.3	Implikasi Kajian	121
5.4	Cadangan-cadangan Kajian	122
	BIBLIOGRAFI	123
	BIODATA PELAJAR	158
	PENERBITAN	159

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Kategori Rumpun Bahasa, Suku Kaum Orang Asli dan Jumlah Penduduk Orang Asli Tahun 2012	5
1.2	Kerangka Tipologi Bahasa Minoriti Edward (1992)	29
1.3	Model Teoritikal Kematian Bahasa Sasse (1992)	31
1.4	Kerangka Konsepsi Kajian	33
1.5	Bentuk Mesej dan Saluran Komunikasi	70
1.6	Data Latar Belakang Responden Orang Asli Che Wong	77
1.7	Kebolehan Berbahasa	86

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

- 1.1 Peta Taburan Suku Kaum
Orang Asli di Malaysia

8



SENARAI SINGKATAN

JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
ULBS	Ujian Lisan Berasaskan Sekolah
KEDAP	Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Pribumi
KGD	Kata Ganti Diri
R	Responden
TEK	Teori Etnografi Komunikasi
OACW	Orang Asli Che Wong
BCW	Bahasa Che Wong

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Borang kebenaran menjalankan kajian oleh JHEOA	130
B	Borang kebenaran menjalankan kajian oleh Fakulti	132
C	Borang soal selidik	133
D	Swadesh List	137
E	Biodata responden kajian	142
F	Data analisis kajian	147
G	Gambar remaja masyarakat orang Asli Che Wong	155

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan medium utama yang digunakan oleh manusia untuk berhubung antara satu sama lain, iaitu melalui hubungan komunikasi, interaksi dan beraktiviti bagi menyampaikan sesuatu maklumat. Oleh itu, bahasa memainkan peranan yang penting dalam melakar sesebuah masyarakat dan menonjolkan jati diri sesebuah bangsa. Hal ini telah membuktikan bahawa bahasa merupakan sesuatu yang unik dan harus dikembangkan sejajar dengan arus pemodenan yang membawa kepada persaingan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, sesuatu bahasa termasuklah bahasa Che Wong haruslah perlu mengekalkan keasliannya tanpa pengaruh daripada mana-mana bahasa yang lain.

Menurut Lutfi Abas (1972), bahasa merupakan bunyi yang dilafazkan oleh seseorang hasil daripada persetujuan dan pembelajaran bersama yang merupakan suatu sistem serta simbol-simbol pertuturan yang arbitrari sehingga membolehkan seseorang berkomunikasi. Sesebuah anggota masyarakat menggunakan bahasa secara bersama kerana bahasa merupakan sesuatu simbol pertuturan yang arbitrari (Bloch dan Trager, 1942).

Selain itu, Zulkifley Ahmad (2007) menyatakan bahawa sesebuah komuniti menggunakan bahasa sebagai alat untuk menyampaikan dan memperoleh sesuatu maklumat secara bersama. Bahasa juga dianggap sebagai akal budi dan gambaran pemikiran yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, tanpa sesuatu bahasa, adalah mustahil bagi sesebuah masyarakat itu untuk berkomunikasi. Perkembangan yang semakin pesat pada masa kini menyebabkan wujudnya kepelbagaian bahasa.

Seseorang itu dianggap mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik dalam sesuatu bahasa kerana seseorang itu bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang sistem bahasa, tetapi turut berkemampuan menggunakan bahasa tersebut bagi tujuan komunikasi secara spontan serta bersesuaian dengan peraturan-peraturan penggunaan yang diterima oleh masyarakat penutur bahasa itu.

Sperber dan Wilson (1999) menyatakan bahasa dan komunikasi mempunyai hubungan yang berkait rapat antara satu sama lain sehingga diberi perumpamaan sebagai “dua belah duit syiling yang satu”. Menyingkap pandangan beliau, dapat diteliti bahawa bahasa merupakan bentuk atau sifat yang berharga dalam sesuatu komunikasi manakala komunikasi yang melibatkan penggunaan kod atau bahasa merupakan bentuk yang paling utama dalam komunikasi.

Sejak akhir-akhir ini, ramai pihak yang menekankan tentang peri pentingnya berkomunikasi dengan baik, terutama dalam bentuk lisan. Komunikasi merupakan saluran bagi menonjolkan kebolehan diri seseorang untuk bersaing dalam kehidupan. Bahasa merupakan sesuatu yang sangat penting dalam komunikasi sama ada secara formal atau tidak formal dengan memerlukan pertukaran pendapat dan perasaan antara dua pihak, antara budaya, iaitu daripada kelompok yang berbeza etnik. Keadaan ini memerlukan keterampilan yang mengutamakan kefasihan, iaitu lancar dan petah bercakap sama ada dari aspek kejelasan makna dan ketepatan tatabahasa. Bentuk bahasa yang bersesuaian ketika bertegur sapa, pemahaman tentang penggunaan bahasa yang dilarang dalam komunikasi yang sopan, penggunaan gaya bahasa yang bersesuaian mengikut situasi sosial dan penguasaan berkenaan tingkah laku bukan verbal turut diutamakan dalam sesuatu komunikasi (Teo Kok Seong, 2002).

Pendapat Teo Kok Seong (2002) ini jelas menunjukkan bahawa komunikasi merupakan sesuatu yang sangat penting dalam sesebuah masyarakat bagi menyampaikan sesuatu mesej dengan berkesan tanpa mengira kumpulan etnik. Hal ini turut ditegaskan oleh Mahzan Arshad (2008) bahawa sesuatu mesej itu gagal disampaikan dengan berkesan oleh pengirim atau penutur kepada penerima akibat daripada kelemahan dalam berkomunikasi.

Menurut Media Sandra Kasih (2003) pula, komunikasi merupakan bahasa lisan yang mempunyai banyak kelebihan berbanding bahasa tulisan kerana bahasa lisan dianggap lebih mesra sifatnya jika dibandingkan dengan bahasa tulisan yang terkawal dan formal. Tambahan pula, komunikasi secara bersemuka mempunyai banyak manfaat antaranya ialah seseorang itu dapat melihat reaksi atau gerak muka antara satu sama lain, iaitu sama ada serius, marah mahupun santai. Memek muka yang dapat dilihat melalui bahasa lisan ini tidak dapat dilihat melalui bahasa tulisan.

Kumpulan usia yang berbeza juga turut mempengaruhi komunikasi seseorang. Golongan yang lebih berusia mempunyai komunikasi mereka yang tersendiri. Keadaan ini melibatkan latar sosial, kerjaya, pendidikan dan juga pemikiran golongan tersebut. Begitu juga halnya dengan komunikasi dalam kalangan kanak-kanak. Mereka mempamerkan komunikasi yang sesuai dengan usia serta kematangan psikologi dan kognitif yang diperoleh mereka. Bentuk-bentuk bahasa yang digunakan oleh mereka menggambarkan penguasaan mereka terhadap sesuatu bahasa. Dalam kalangan remaja pula, komunikasi mereka sudah mula berkembang kerana terdapat pelbagai pengaruh dan keperluan yang menjadikan komunikasi mereka dapat disesuaikan dengan keadaan.

Dalam kehidupan seharian, komunikasi lisan memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini kerana masyarakat yang mempunyai latar belakang sosiobudaya yang rencam seperti kepelbagaian etnik, status sosial, jantina, agama dan pendidikan memerlukan ahli masyarakat yang berkebolehan dalam berkomunikasi bagi mewujudkan situasi yang seimbang. Oleh itu, masyarakat Orang Asli juga memerlukan kebolehan dalam berkomunikasi kerana melalui kebolehan tersebut mereka dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan masyarakat luar dengan lebih baik. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli merupakan suku kaum yang pemalu dan kurang berinteraksi dengan masyarakat luar terutama sekali masyarakat Che Wong yang sangat pemalu dan sukar

untuk didekati. Keadaan inilah yang akan menjadi penyebab berlakunya kesukaran dalam sesuatu komunikasi.

Bahasa Melayu yang merupakan bahasa penghubung dan bahasa pengantar perlu dimantapkan lagi bersesuaian dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara (Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan). Kejayaan memartabatkan dan menjadikan bahasa Melayu perkasa bersesuaian dengan kedudukannya perlu mendapat kerjasama daripada semua pihak di seluruh negara secara berterusan. Dalam usaha masyarakat dan pihak berwajib memantapkan bahasa Melayu dalam kehidupan, kita juga haruslah memastikan masyarakat Orang Asli turut tidak ketinggalan menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa yang penting dalam kehidupan mereka, terutama sekali sebagai salah satu bahasa komunikasi mereka. Hal ini kerana kebolehan berkomunikasi bahasa Melayu akan melengkapkan kewujudan individu sebagai seorang anggota masyarakat yang mempunyai nilai tinggi kerana masyarakat Orang Asli juga merupakan salah satu golongan atau suku kaum yang terdapat di Malaysia.

Menurut Colin Nicholas (1997) dalam Nazirah Mohd Nordin (2010), masyarakat Orang Asli merupakan penduduk minoriti di Semenanjung Malaysia. Dalam terjemahan bahasa Melayu perkataan Orang Asli membawa maksud penduduk asal atau penduduk pertama. Ciri-ciri peribumi yang terdapat dalam diri masyarakat Orang Asli menunjukkan perbezaan antara bangsa-bangsa lain. Mereka sangat menitikberatkan ciri-ciri tersebut yang dapat dilihat melalui sistem sosial, budaya, seni persembahan dan adat resam yang sememangnya sebatik dalam diri mereka. Oleh yang demikian sewajarnya masyarakat Orang Asli yang hidup dalam negara Malaysia haruslah mempunyai komunikasi lisan bahasa Melayu dengan sebaik-baiknya. Hal ini sejajar dengan Artikel 152 yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Hal ini dipaparkan dan disebut dalam perkara 152 (dalam Awang Sariyan, 1995) berbunyi bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan apa-apa tulisan sebagaimana yang diperintahkan dengan undang-undang dalam parlimen.

Hood Salleh (2006) menjelaskan bahawa terdapat banyak perbezaan di antara kaum Orang Asli di Malaysia dari segi kehidupan sosial dan komunikasi yang digunakan. Hal ini akibat daripada masyarakat Orang Asli di Malaysia terdiri daripada pelbagai suku sehingga menjadikan unsur idiolek sebagai penghalang kepada mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan fasih. Oleh itu, penghalang kepada masalah ini perlulah ditangkis dengan kerjasama daripada semua pihak melalui pelbagai cara supaya mereka mempunyai kebolehan dalam komunikasi lisan bahasa Melayu dengan baik. Walau bagaimanapun, dengan mempunyai kebolehan komunikasi lisan dalam bahasa Melayu, bukanlah bermaksud masyarakat Orang Asli Che Wong mengabaikan bahasa ibunda mereka sehingga menyebabkan berlakunya keterancaman dalam bahasa tersebut, tetapi keadaan ini perlulah seiring disebabkan oleh bahasa ibunda mereka turut merupakan sebahagian daripada bahasa yang unik dan penting.

Pendekatan Etnografi Komunikasi merupakan suatu kaedah yang digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis komunikasi lisan masyarakat Che Wong, iaitu dengan

melihat beberapa aspek bahasa yang wujud dalam komunikasi mereka seperti genre, tujuan, topik, latar, peserta, urutan lakuan, bentuk mesej yang disampaikan, kandungan mesej, peraturan interaksi, dan norma-norma komunikasi (Saville-Troike, 2003). Di samping itu, kajian ini juga turut meninjau kepelbagaian penggunaan bentuk bahasa dalam komunikasi lisan mereka. Kajian Etnografi Komunikasi turut menyentuh aspek budaya masyarakat penutur sesuatu bahasa.

Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada aspek komunikasi lisan masyarakat Orang Asli Che Wong. Orang Asli ini terdiri daripada golongan Senoi yang pemalu dan sukar untuk didekati. Selain melihat kemahiran bertutur suku kaum tersebut, kajian ini turut melihat status dan kedudukan bahasa tersebut dalam masyarakatnya sama ada bahasa itu masih lagi lestari atau sudah mengalami keterancaman akibat daripada pengaruh bahasa Melayu. Melalui penelitian pengkaji didapati bahawa bahasa Che Wong tidak mengalami keterancaman tetapi disebabkan populasi suku kaum Che Wong yang semakin berkurangan menyebabkan bahasa tersebut perlu diberi perhatian untuk mengelakkan daripada berlakunya kepupusan.

1.2 Sejarah Masyarakat Orang Asli di Malaysia

Masyarakat Orang Asli merupakan penduduk yang terawal menduduki Semenanjung Malaysia, iaitu kira-kira 5,000 tahun yang lalu. Mereka dikatakan berasal dari China dan Tibet yang berhijrah ke Asia Tenggara sebelum menetap di Semenanjung Tanah Melayu. Masyarakat Orang Asli kini merupakan antara kelompok minoriti yang tinggal di Semenanjung Malaysia (Nicholas, 2000). Hal ini turut ditegaskan oleh Carey (1976), dalam Juli Edo (1998), iaitu sekitar 5,000 tahun yang lalu masyarakat Melayu-Asli telah tiba ke Malaysia. Perjalanan hidup mereka ini dikatakan melampaui tempat dan zaman kerana berjaya mengharungi segala cabaran dan kepayahan semenjak dari mula penghijrahan sehingga ke zaman sekarang. Walau bagaimanapun, menurut Mat Jidin Ahmad (1994) mereka ini seharusnya lebih maju berbanding bangsa-bangsa lain di Malaysia kerana menjadi manusia terawal yang tiba di Tanah Semenanjung tetapi keadaan sebaliknya yang berlaku.

Masyarakat Orang Asli merupakan penduduk yang mendiami seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia, iaitu meliputi utara Malaysia-Thailand sehingga ke Selat Johor di selatan. Orang Asli kebanyakannya tinggal di Banjaran Titiwangsa dan Kelantan. Mereka ini mendirikan penempatan di antara 2,000 kaki hingga 6,000 kaki dari pinggir laut, tetapi terdapat juga sebahagian daripada mereka yang tinggal di tanah rendah, iaitu berhampiran dengan kampung-kampung Melayu terutama masyarakat Orang Asli di pantai Barat dan pantai Timur Semenanjung. Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pantai seperti Johor, Pahang dan Selangor menjadikan pesisiran pantai sebagai penempatan mereka. Menurut kajian Baharom Azhar Raffie'i (1972), masyarakat orang Asli dianggarkan kira-kira 60% daripadanya tinggal di dalam hutan, manakala yang lain tinggal di kawasan luar bandar yang mudah dimasuki, terutama di sebelah selatan Semenanjung Malaysia.

Negeri-negeri yang menampung sebahagian besar masyarakat Orang Asli ialah Pahang, Perak, Kelantan dan Selangor, manakala yang lainnya tersebar di Negeri Sembilan dan Johor serta taburan yang kecil terdapat di Melaka, Terengganu dan Kedah. Masyarakat Orang Asli menjalankan kegiatan memburu, menangkap ikan, pertanian sara diri dan mengumpul hasil hutan sebagai pekerjaan untuk dijadikan sumber pendapatan mereka. Aktiviti memburu dan mengumpul hasil hutan merupakan aktiviti utama bagi kaum lelaki kerana kebanyakan daripada masyarakat orang Asli tinggal berhampiran dengan hutan.

Di Malaysia, Orang Aslinya bukanlah kaum minoriti yang bersifat homogen, tetapi mereka ini merupakan kaum heterogen yang mempunyai perbezaan unik dari segi sosiobudaya dan psiko-sosiokognitif bagi setiap kaum. Rasional di sebalik perbezaan ciri ini adalah berkaitan dengan latar belakang komuniti Orang Asli itu sendiri yang terdiri daripada tiga suku kaum utama dalam komuniti mereka, iaitu Senoi, Melayu-Proto dan Negrito. Malah, setiap kaum itu pula mempunyai enam suku bangsa yang berbeza dan menjadikan orang Asli di Malaysia seramai 18 suku bangsa kesemuanya. Hal ini dapat dilihat seperti Jadual 1.1 di bawah :

Jadual 1.1 : Kategori Rumpun Bahasa, Suku Kaum Orang Asli dan Jumlah Penduduk Orang Asli tahun 2012

Suku Bangsa	Suku Kaum	Lokasi Penempatan	Jumlah
Negrito	Kintaq Kensiu Jahai Mendriq Bateq Lanoh	Kedah, Perak, Kelantan, Pahang dan Selatan Thailand	5,009
Senoi	Temiar Semai Che Wong Jahut Semoq Beri Mah Meri	Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu	97,856
Melayu-Proto	Temuan Semelai Jakun Orang Kanaq Orang Seletar Orang Kuala	Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang	75,332

Sumber : Jaringan Orang Asli Se-Malaysia (JOAS) 2008 dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2012

1.3 Latar Belakang Masyarakat Suku Bangsa Senoi

Asal usul suku Senoi ini tidak dapat diketahui dengan tepat. Hal ini kerana terdapat percanggahan tentang asal usul suku Senoi. Menurut Winstedt (1950), yang menggelarkan suku Senoi sebagai Sakai mengatakan bahawa Orang Senoi didapati terdiri daripada keturunan Veddoid dan Australoid (yang kemudiannya adalah dari Sri Lanka dan selatan India yang utamanya orang Senoi (atau orang Sakai) iaitu merupakan orang Indonesia, bersaudara dengan orang Batak di Sumatera, penduduk Bukit di Selatan China, Indochina dan Kepulauan Melayu.

Menurut Juli (1998), Seng-Oi pada asalnya merupakan panggilan kepada Senoi. Istilah Seng (orang) dan Oi (hutan) dinyatakan oleh pembantu pembangunan masyarakat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Gombak. Hal ini kerana latar tempat tinggal mereka ialah di kawasan hutan dan mengamalkan cara hidup yang primitif suatu ketika dahulu. Pengaruh bahasa Melayu telah menyebabkan perkataan “Senoi” telah bertukar.

Selain itu, terdapat juga perbezaan antara bentuk fizikal suku Senoi dengan suku Negrito dan Melayu-Proto. Suku Senoi lebih tinggi iaitu dengan purata ketinggian bagi lelaki biasa mereka ialah antara 1494 mm hingga 1548 mm, manakala perempuan dewasa pula ialah dianggarkan setinggi 1437 mm. Rambut suku Senoi pula ikal dan tidak terlalu kerinting. Mereka juga mempunyai bentuk tubuh yang tegap dan gagah. Hal ini bertepatan dengan ciri-ciri mereka sebagai pendaki bukit yang tinggal di kawasan lereng-lereng bukit. Suku Senoi merupakan suku kaum Orang Asli yang turut mengamalkan kehidupan berpindah randah. Mereka hanya tinggal di sesuatu tempat selama dua hingga tiga tahun sebelum berpindah ke kawasan lain yang lebih subur.

Orang Asli Senoi merupakan kumpulan yang terbesar berbanding Orang Asli Negrito dan Melayu-Proto, iaitu 81,826 orang pada tahun 2003, 80,972 orang pada tahun 2004, 79,155 orang pada tahun 2008, 2011 seramai 72,871 orang, manakala pada tahun 2012 seramai 97,856 orang (JHEOA, 2012). Orang Senoi telah tiba di Semenanjung Malaysia sekitar 6,000 – 8,000 tahun yang lalu. Suku Senoi terdiri daripada enam suku iaitu dikenali sebagai Temiar, Semai, Che Wong, Jah Hut, Semoq Beri dan Mah Meri. Suku Senoi mendiami kawasan-kawasan negeri Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor. Diikuti dengan kaum Temiar yang tinggal di Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta dan Gua Musang. Kawasan-kawasan sekitar Raub dan Lanchang pula didiami oleh suku Che Wong manakala di Temerloh, Pahang menjadi tempat kediaman suku Jahut. Taburan penduduk bagi suku Semoq Beri pula meliputi kawasan di Maran, Kuatan, Kemaman, Hulu Terengganu dan Besut. Manakala suku Mah Meri pula boleh ditemui di daerah Kuala Langat, Klang dan Sepang.

Che Wong merupakan salah satu suku Senoi yang akan dijadikan bahan kajian dalam penyelidikan ini. Menurut Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), kebanyakan suku Che Wong ini mendiami kawasan pinggir di daerah Raub dan Temerloh, Pahang. Walau bagaimanapun, keadaan ini berubah semenjak kerajaan memberikan tumpuan kepada suku ini, iaitu dengan memberikan kesejahteraan kepada mereka. Kini, Orang Asli Che Wong sudah mempunyai perkampungan sendiri bagi mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum.

Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada suku Che Wong ini masih tinggal jauh di dalam hutan kerana lebih serasi dan selesa dengan keadaan di sana berbanding tinggal di perkampungan yang telah diberikan kemudahan oleh kerajaan. Hal ini telah menyebabkan mereka sedikit sebanyak terpinggir dengan arus kemodenan. Suku Che Wong mengamalkan sistem tanaman secara berpindah randah, berburu dan mengumpul hasil-hasil hutan untuk mencari tempat yang sesuai bagi mendapatkan bahan-bahan makanan.

Menyoroti sejarah asal suku Che Wong dikatakan berasal daripada kerabat diraja Thailand yang berhijrah ke Tanah Melayu. Sejarah ini merupakan hasil penceritaan yang telah diturunkan secara lisan, iaitu sejak daripada datuk nenek mereka. Dikatakan keturunan diraja tersebut telah membawa diri ke dalam hutan dan berkahwin dengan salah seorang anak orang Asli yang tinggal di dalam hutan tersebut. Melalui perkahwinan tersebut, telah berkembang dan membentuk komuniti sendiri di sana. Keadaan ini telah menyebabkan mereka selesa dan serasi dengan kehidupan di dalam hutan dan sehingga kini masih terdapat sebilangan daripada suku Che Wong masih lagi menetap di dalam hutan. Jumlah suku Che Wong dikatakan terdapat kira-kira 400 hingga 500 orang.

Selain itu, suku Che Wong juga merupakan suku kaum yang menjalankan aktiviti bercucuk tanam, memburu, menangkap ikan dan mencari hasil-hasil hutan. Mereka juga turut menggunakan alat-alat buatan sendiri untuk menjalankan aktiviti mencari hasil-hasil hutan. Suku Che Wong sangat berpegang teguh kepada kuasa ghaib sehinggakan di dalam kegiatan ekonomi yang mereka lakukan akan disertakan dengan upacara-upacara atau pantang larang. Mereka juga percaya bahawa semangat bertanggungjawab ke atas hasil pengeluaran pertanian. Selain aktiviti pertanian, aktiviti pemburuan juga turut mempunyai pantang larang dan kepercayaannya yang tersendiri. Rajah 1.1 di bawah menunjukkan Peta Taburan Suku Kaum Orang Asli di Malaysia yang merupakan salah satu suku yang terdapat di dalam taburan tersebut merupakan suku kaum Che Wong.

Rajah 1.1 : Peta Taburan Suku Kaum Orang Asli di Malaysia



1.4 Pernyataan Masalah

Pada zaman globalisasi kini, masyarakat digalakkan untuk memiliki kebolehan berkomunikasi dengan baik. Keadaan ini kerana sesuatu mesej itu dapat disampaikan dengan lebih berkesan jika seseorang individu memiliki kebolehan berkomunikasi yang baik. Hal ini selaras dengan pendapat Teo Kok Seong (2002) yang jelas menunjukkan bahawa kebolehan berkomunikasi sangat penting dalam sesebuah masyarakat bagi menyampaikan sesuatu mesej dengan berkesan tanpa mengira kumpulan etnik.

Seseorang individu menyalurkan idea dengan menggunakan strategi yang tertentu dalam komunikasi mereka. Melalui strategi yang digunakan dalam komunikasi tersebut dapat dikesan dengan mudah bentuk-bentuk bahasa dalam proses komunikasi yang berlangsung. Kajian yang berkaitan dengan bentuk bahasa dalam komunikasi lisan

masih kurang dijalankan. Keadaan ini memberi ruang kepada pengkaji bagi menjalankan kajian yang berkaitan dengan bentuk bahasa, terutama sekali dalam masyarakat Orang Asli. Contohnya, kajian yang dijalankan oleh Ghazali Lateh (2007), iaitu “Interaksi Dalam Ujian Lisan Berasaskan Sekolah dalam Kalangan Remaja” yang salah satu objektifnya memfokuskan bentuk bahasa remaja sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji akan memfokuskan kepada bentuk bahasa hanya kepada masyarakat Orang Asli daripada suku Che Wong.

Selain itu, kebanyakan pengkaji dahulu juga lebih menjurus melakukan kajian yang berkaitan dengan bahasa tulisan, sedangkan bahasa lisan merupakan aspek yang paling penting dalam hubungan manusia dalam masyarakatnya. Hal ini kerana, melalui bahasa lisan perasaan seseorang itu dapat diketahui dengan lebih mudah, iaitu melalui mimik muka atau sebagainya serta komunikasi lisan dapat dikesan secara spontan, tanpa dirancang sebagaimana bahasa tulisan. Pengkajian berkaitan dengan komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan remaja mahupun masyarakat Orang Asli Che Wong itu sendiri masih kurang dilakukan. Rentetan daripada kajian rintis yang dilakukan oleh pengkaji pada tahun 2010, iaitu semasa menyertai Program Tinjau Budaya dan Klinik Bahasa Orang Asli Che Wong dan Semelai, Pahang didapati bahawa masyarakat Che Wong lebih bersikap pemalu dan sukar untuk berkomunikasi berbanding masyarakat Semelai yang lebih peramah dan sudah dipengaruhi dengan budaya masyarakat luar. Selain itu, semasa kajian rintis dilakukan pada bulan Februari 2013 pengkaji turut mendapati bahawa masyarakat Che Wong ini masih lagi bersikap malu dan sukar untuk berkomunikasi terutama sekali golongan remaja. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa kajian berkaitan komunikasi lisan masyarakat Che Wong ini perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana komunikasi lisan bahasa Melayu mereka terutama sekali dalam kalangan remaja yang merupakan pewaris generasi akan datang.

Mustaffa Omar (2013) dalam kajiannya yang bertajuk “Status Modal Insan Dalam Menjamin Kelestarian Hidup Suku Che Wong dan Jahut: Satu Analisis Perbandingan” hanya menjurus kepada penguasaan modal insan dalam kalangan masyarakat tersebut dengan memberikan tumpuan kepada empat aset, iaitu aset demografi, aset pendidikan dan kemahiran, aset kesihatan dan aset pekerjaan. Rentetan daripada lompang kajian ini, pengkaji berusaha untuk mengkaji komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan remaja masyarakat Orang Asli Che Wong yang masih kurang dilakukan kajian sebelum ini. Hal ini penting dilakukan kerana masyarakat tersebut turut merupakan salah satu kaum yang tinggal di Malaysia dan harus mampu untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat juga banyak kajian yang telah dijalankan terhadap masyarakat Orang Asli, tetapi kebanyakannya hanya memfokuskan kepada aspek pendidikan dan kebudayaan. Antaranya, kajian yang berkaitan dengan pendidikan yang berkisar tentang masalah membaca murid Orang Asli (Abd. Aziz, Ramlah, Md.Nasir, Suppiah & Roslinda 2010), kajian tahap pendidikan Orang Asli (Nurahimah, Mustapa, Nuraini, Abdul Malek, Mohd Izam & Abdul Sukir, 2009). Begitu juga kajian yang dibuat oleh Nazirah Mohd Nordin (2010) yang menyentuh tentang penguasaan bahasa Melayu oleh masyarakat Orang Asli, tetapi hanya lebih tertumpu kepada tahap penguasaan penulisan Orang Asli. Kajian-kajian yang dilakukan oleh semua pengkaji di atas lebih

tertumpu kepada pendidikan dan penguasaan penulisan, tetapi tidak disentuh tentang komunikasi lisan bahasa Melayu dalam masyarakat Orang Asli terutama sekali masyarakat Che Wong yang belum lagi dilakukan kajian terhadapnya.

Di samping itu, kajian ini turut meneliti status dan kedudukan bahasa Che Wong sama ada masih lagi kekal atau sudah wujudnya keterancaman terhadap bahasa tersebut dalam kalangan masyarakatnya terutama sekali bagi golongan remaja. Berdasarkan lompang kajian daripada kajian lepas didapati bahawa masih kurang pengkaji terdahulu yang memperkatakan atau mengkaji tentang status dan kedudukan bahasa masyarakat Orang Asli terutama sekali masyarakat Che Wong. Pengkajian ini penting untuk melihat kelestarian dan keterancaman bahasa Che Wong kerana bahasa mereka merupakan salah satu rumpun daripada bahasa Melayu. Jika berlakunya keterancaman bahasa tersebut, maka akan terhakislah sedikit demi sedikit bahasa Melayu. Hal ini selaras dengan kenyataan oleh David Crystal (2002) yang menyatakan bahawa bahasa Orang Asli atau peribumi telah mengalami kepupusan setiap dua minggu. Oleh itu, keadaan ini akan menyebabkan 5500-6000 bahasa yang digunakan sekarang akan bersama-sama dengan bahasa Latin dan Yunani sebagai bahasa yang mati. Pernyataan ini amat membimbangkan kerana kematian atau kepupusan sesuatu bahasa amat malang bagi sesuatu bangsa.

Bertitik tolak daripada soalan-soalan dalam kajian yang dijalankan, telah digubal pernyataan masalah seperti yang telah dinyatakan di atas. Antara soalan-soalan berikut ialah:

- i. Apakah bentuk bahasa dalam komunikasi lisan remaja masyarakat Che Wong di Perkampungan Kuala Gandah berdasarkan kerangka Etnografi Komunikasi Savillie-Troike (2003).
- ii. Bagaimanakah komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan remaja masyarakat Che Wong?
- iii. Bagaimanakah status dan kedudukan bahasa Che Wong dalam kalangan remaja khususnya dan masyarakat umumnya.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat komunikasi lisan dalam kalangan remaja masyarakat Che Wong dan menghuraikan dapatan kajian tersebut berdasarkan tiga objektif yang telah ditetapkan. Antara objektif yang telah ditetapkan ialah :

- i. Menghuraikan bentuk bahasa dalam komunikasi lisan remaja masyarakat Che Wong di Perkampungan Kuala Gandah berdasarkan kerangka Etnografi Komunikasi Savillie-Troike (2003).
- ii. Meneliti dan membincangkan komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan remaja masyarakat Che Wong.
- iii. Membincangkan status dan kedudukan bahasa Che Wong dalam kalangan remaja khususnya dan masyarakat umumnya.

1.6 Kepentingan Kajian

Komunikasi lisan merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam berbahasa. Hal ini kerana, melalui komunikasi seseorang itu dapat menyampaikan sesuatu mesej dengan lebih berkesan. Komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan remaja masyarakat Che Wong merupakan kajian yang terawal dilakukan kerana setakat ini masih belum ada kajian ilmiah yang berkaitan dengan kebahasaan dilakukan terhadap masyarakat ini. Selain itu, kajian ini turut melihat bagaimana kedudukan bahasa Che Wong dalam kalangan masyarakatnya. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada guru-guru, Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli dan pengkaji-pengkaji yang lain seperti berikut :

1.6.1 Para Guru

Antara tugas para guru adalah sebagai pemberi maklumat atau ilmu kepada para pelajar. Masyarakat Che Wong merupakan antara pelajar yang turut tidak ketinggalan dari menerima ilmu tersebut. Oleh itu, dengan ilmu yang diperoleh dapat memberi pengetahuan kepada mereka. Keadaan ini akan menyebabkan mereka tidak lagi hidup dalam keadaan terkongkong dengan dunia mereka yang kurang moden berbanding penduduk lain yang jauh lebih moden. Keadaan inilah yang perlu diberikan perhatian penting oleh para guru untuk membentuk dan membimbing mereka dengan memberikan ilmu pengetahuan yang secukupnya.

Walau bagaimanapun, daripada kajian rintis yang dilakukan didapati bahawa kebanyakan remaja masyarakat Orang Asli Che Wong itu sendiri kurang berminat untuk ke sekolah. Hal ini akan menyebabkan mereka ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran (P & P), sekali gus menyebabkan mereka kurang untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar. Oleh itu, keadaan ini sedikit sebanyak akan menyumbang ke arah kelemahan dalam aspek komunikasi lisan mereka, terutama sekali dalam bahasa Melayu. Keadaan ini perlu ditangani dengan bijak oleh para guru dalam melakukan sesuatu yang boleh memberikan keinginan kepada mereka untuk ke sekolah.

Bagi para guru, kajian ini penting untuk melihat komunikasi lisan remaja masyarakat Che Wong. Para guru dapat mencari jalan untuk melakukan pendekatan yang lebih baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P & P), bagi meningkatkan lagi komunikasi lisan para remaja terutama sekali remaja yang masih bersekolah. Komunikasi lisan yang lemah dalam kalangan remaja ini boleh menyebabkan berlakunya kekangan kepada mereka untuk berkomunikasi dengan baik dan mudah difahami oleh orang lain.

Para guru juga perlu berusaha untuk mencari jalan bagi memantapkan komunikasi lisan remaja masyarakat Che Wong kerana komunikasi lisan mempunyai kaitan dengan peluang pekerjaan apabila seseorang remaja itu mempunyai keinginan untuk bekerja dengan masyarakat luar. Hal ini selaras dengan pendapat Rosli Saruwono (Berita Harian, 13 Ogos 2005) yang mengatakan bahawa aspek yang menjadi penghalang

kepada siswazah semasa menghadapi temu duga adalah mereka kurang menguasai kemahiran berinteraksi sehingga menyebabkan kurang keyakinan diri. Daripada pendapat beliau, dapat dirumuskan bahawa seseorang yang tidak mempunyai kebolehan komunikasi lisan menjadi penghalang kepada mereka untuk berkomunikasi dengan baik tambahan pula, mereka ini merupakan masyarakat yang sangat pemalu.

1.6.2 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA)

Hasil kajian ini juga dapat digunakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) bagi meningkatkan taraf dan kebolehan komunikasi lisan bahasa Melayu masyarakat Che Wong, khususnya para remajanya dengan melakukan pelbagai jenis pendekatan untuk mengukuhkan komunikasi lisan mereka. JHEOA memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan komunikasi lisan bahasa Melayu masyarakat Che Wong kerana JHEOA merupakan orang yang paling dekat dengan mereka dan segala masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli akan dirujuk serta diadakan kepada JHEOA. Oleh itu, JHEOA ini perlu memainkan peranan yang penting dalam menganjurkan pelbagai aktiviti kebahasaan yang tidak mengira usia, iaitu seperti penganjuran pertandingan yang berkaitan dengan komunikasi lisan bahasa Melayu dan diselitkan dengan hadiah-hadiah yang menarik. Hal ini akan dapat menarik minat masyarakat Orang Asli tersebut untuk menyertainya sekali gus dapat memantapkan lagi kemahiran bertutur mereka terhadap penggunaan bahasa Melayu.

Di samping itu, melalui pertandingan yang dijalankan juga dapat memberi keyakinan kepada mereka untuk berkomunikasi di khalayak ramai. Melalui sikap mereka yang pemalu dan sukar untuk didekati telah menjadi penghalang kepada mereka untuk mempunyai keyakinan semasa berkomunikasi dengan masyarakat luar. Selain itu, pihak JHEOA juga boleh menambah pelbagai jenis buku yang berkaitan dengan bahasa Melayu untuk diketengahkan di sekolah-sekolah sebagai bahan bacaan kepada para pelajar dan diharap mampu mengukuhkan komunikasi lisan mereka.

Selain kajian berkaitan komunikasi lisan, kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui status dan kedudukan bahasa Che Wong itu sendiri. Dengan adanya kajian yang berkaitan status dan kedudukan bahasa Che Wong, iaitu untuk mengetahui sama ada bahasa tersebut masih lagi lestari atau sudah mula terancam, maka kajian ini dapat membantu pihak JHEOA untuk melakukan sesuatu seperti pendokumentasian bahasa tersebut yang merupakan khazanah bangsa supaya bahasa Che Wong dapat dipelihara daripada terus terancam. Walau bagaimanapun, jika bahasa Che Wong masih kekal, pihak JHEOA perlu membuat pemantauan dan mencari jalan supaya ianya terus kekal kerana suku Che Wong ini merupakan antara suku Orang Asli yang berada di ambang kepupusan. Selain itu, bahasa Che Wong juga merupakan sebahagian daripada bahasa rumpun. Oleh itu, punahnya bahasa ini maka ia akan memberi kesan kepada bahasa Melayu.

1.6.3 Pengkaji Bidang yang Berkaitan

Dapatan kajian ini turut memberi kepentingan kepada pengkaji bidang yang berkaitan jika mereka ingin melakukan kajian berkenaan dengan masyarakat Che Wong. Hal ini kerana, kajian terhadap suku kaum Orang Asli Che Wong kurang dilakukan dalam bidang ilmiah. Oleh itu, dengan adanya kajian ini sedikit sebanyak dapat menjadi rujukan kepada para pengkaji yang lain. Contohnya, pementasan untuk Malam Tradisi Sastera Rakyat ke-26 yang dilakukan oleh pelajar-pelajar daripada Universiti Putra Malaysia telah mengadakan lawatan ke Perkampungan Orang Asli Che Wong, Kuala Gandah, Lanchang, Pahang. Lawatan ini dijalankan untuk mengenali budaya masyarakat Che Wong berkenaan bagi mengaplikasikannya dalam pementasan tersebut. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menambah kajian berkaitan dengan suku kaum Che Wong melalui komunikasi lisan bahasa Melayu remaja masyarakat Che Wong dan mengetahui bagaimana kedudukan bahasa mereka.

Selain itu, pengkaji lain juga boleh meneruskan pengkajian dalam aspek yang berbeza berkaitan dengan masyarakat Che Wong sekiranya mereka ingin menjalankan kajian berkaitan dengan masyarakat tersebut. Melalui kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pengkaji yang lain untuk meneruskan kajian terhadap masyarakat Che Wong di kampung-kampung yang lebih terpencil dan dapat menunjukkan satu kajian yang berlainan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

1.7 Kaedah Kajian

Kaedah yang digunakan dalam penulisan ilmiah ini ialah kaedah kepustakaan, kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan iaitu merupakan bahan sekunder dengan mencari serta mengumpul bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian melalui buku, jurnal akademik, artikel, penulisan ilmiah, akhbar dan sebagainya untuk dijadikan bahan rujukan.

Kaedah kedua yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif, iaitu berbentuk temu bual, tinjauan, rakaman, pemerhatian, soal selidik, transkripsi dan lafaz. Kaedah ini kebanyakannya digunakan untuk mencapai objektif pertama dan kedua, manakala kaedah yang terakhir ialah kaedah kuantitatif digunakan dalam objektif ketiga dalam kajian ini di samping penggunaan borang soal selidik, iaitu berkaitan dengan status dan kedudukan bahasa Che Wong dalam masyarakatnya.

Kajian ini banyak bergantung kepada kaedah pemerhatian, tinjauan dan temu bual. Kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik turut digunakan kerana kaedah ini sangat popular dan merupakan cara paling berkesan untuk mendapatkan maklumat. Selain itu, pengkaji juga melakukan pemerhatian dan temu bual dengan responden semasa menjalankan kajian di samping melakukan rakaman semasa temu bual dijalankan. Komunikasi lisan bahasa Melayu masyarakat Che Wong ini diukur berdasarkan pandangan pengkaji melalui aktiviti pemerhatian dan temu bual yang telah diatur antara pengkaji dengan responden, iaitu dengan melihat secara langsung

kesenyapsunyan semasa sesi temu bual berlangsung, kurangnya kosa kata bahasa Melayu, bunyi bukan verbal dan sebagainya.

1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan hanya memfokuskan kepada aspek komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan remaja masyarakat Che Wong. Walau bagaimanapun, di samping melihat aspek komunikasi lisan bahasa Melayu mereka, pengkaji juga turut melihat status dan kedudukan bahasa Che Wong itu sama ada bahasa Che Wong masih lagi lestari atau sudah terancam dalam kalangan masyarakatnya, terutama sekali remaja masyarakat Che Wong. Hal ini kerana, remaja masyarakat Che Wong sudah mula terpengaruh dengan dunia luar, iaitu dengan bersekolah di sekolah harian biasa yang membolehkan mereka untuk bergaul bersama remaja yang berlainan kaum dan dengan kewujudan Pusat Perlindungan Gajah yang dilawati dengan masyarakat luar daripada pelbagai kaum dan bangsa. Walaupun remaja masyarakat Che Wong sudah terdedah dengan bahasa Melayu di sekolah, tetapi mereka tidak menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa yang utama dan penting sehingga menyebabkan kebolehan komunikasi lisan mereka kurang memuaskan.

Orang Asli Che Wong hanya terdapat di Lanchang, Pahang dan terdapat beberapa buah perkampungan yang didiami oleh suku kaum itu. Antara perkampungan tersebut ialah Kuala Gandah, Sungai Beranti, Lata Tujuh, Bayek dan Sungai Enggang manakala populasi orang Asli Che Wong ialah kira-kira 400 hingga 500 orang sahaja, iaitu antara suku orang Asli yang mengalami kepupusan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kepada perkampungan suku Che Wong di Kuala Gandah. Hal ini kerana, perkampungan mereka lebih terdedah dengan masyarakat luar berbanding dengan perkampungan lain yang jauh di dalam hutan.

Selain itu, lokasi ini turut dipilih kerana perkampungan tersebut menjadi produk pelancongan dengan disediakan bangunan serbaguna yang dikenali sebagai Bangunan Kebudayaan Orang Asli Che Wong yang telah disumbangkan oleh Syarikat Genting Malaysia Berhad. Dewan serbaguna ini turut dilengkapi dengan bilik darjah, bilik bacaan dan ruangan khas untuk menjalankan aktiviti kebudayaan seperti bersewang serta kraf tangan. Perkampungan ini juga selalu dikunjungi oleh pelancong dalam mahupun luar negara, namun begitu sifat pemalu yang mendalam dalam diri masyarakat Che Wong menyebabkan mereka sukar untuk didekati dan berinteraksi dengan orang.

1.9 Definisi Konsep

1.9.1 Komunikasi Lisan

Menurut Littlejohn (2002) komunikasi merupakan suatu proses memberikan makna dan mampu mempengaruhi seseorang untuk melakukan sesuatu perkara seperti yang dikehendaki. Hal ini kerana, menurut Fenstermacher (2005) sesuatu komunikasi sama ada lisan atau bukan lisan akan melibatkan perpindahan pengertian, pengetahuan atau perasaan yang dikongsi bersama melalui mesej yang disampaikan. Komunikasi turut menjurus kepada kemahiran berinteraksi yang melibatkan suasana berbahasa manusia melalui kegiatan melafazkan bunyi-bunyi yang dikeluarkan dari alat-alat sebutan (artikulator) (Kamarudin Hj. Husin, 1998).

Frieds (1983) dalam Zawawi Ismail (2008) mengatakan bahawa dalam berkomunikasi, pertuturan merupakan salah satu bahasa yang digunakan oleh manusia, iaitu sebanyak 85%. Oleh itu, penguasaan kemahiran ini merupakan salah satu aspek utama yang menjadi penentu kepada kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua Nunan (1991) dalam Zawawi Ismail (2008). Menurut Bailey (2005), kebanyakan individu menganggap bahawa dalam mempelajari sesuatu bahasa aspek yang paling sukar ialah mempelajari aspek komunikasi berbanding dengan aspek yang lain. Hal ini disebabkan oleh komunikasi terjadi dalam masa yang sebenar.

Komunikasi lisan dapat didefinisikan sebagai keupayaan seseorang untuk menyampaikan maksud, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul, iaitu secara bersopan. Komunikasi yang baik dan berkesan boleh dikuasai melalui aspek fonologi, intonasi, struktur dan penguasaan sistem bunyi yang lain. Komunikasi lisan juga di pengaruhi oleh aspek umur, persekitaran, fizikal, jantina dan kesihatan dan kecerdasan seseorang individu.

Berdasarkan kajian ini, komunikasi lisan para responden dapat dilihat berdasarkan bunyi bahasa yang dikeluarkan dari alat-alat pertuturan seperti yang telah dinyatakan oleh Kamarudin Hj. Husin (1998). Keadaan ini sekali gus dapat menonjolkan keupayaan mereka semasa menyampaikan sesuatu pendapat atau maksud semasa sesi temu bual berlangsung.

1.9.2 Bahasa Melayu

Menurut J. Nulawadin Mustafagani (1991), bahasa ialah suatu simbol untuk berhubungan. Bunyi- bunyi yang dilafazkan ini disebut bunyi bahasa. Bunyi-bunyi bahasa dilafazkan oleh manusia dengan menggunakan alat-alat pertuturannya dan digabungkan untuk membentuk sesuatu kata.

Bahasa merupakan alat yang paling tepat untuk mengenali sesuatu bahasa kerana bahasa bukan sekadar menjadi alat komunikasi utama manusia tetapi juga sebagai lambang identiti khusus sesuatu kelompok etnik. Melalui bahasa, kebudayaan sesuatu bangsa dapat dikembangkan, dibina dan diwariskan kepada generasi berikut.

Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang sangat penting dalam perhubungan di Malaysia. Hal ini selaras dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang telah jelas diperuntukkan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai undang-undang utama negara Perlembagaan menjadi tonggak dan kayu ukur bagi semua undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen, Dewan-Dewan Undangan Negeri dan segala dasar kerajaan. Peruntukan di bawah Perkara 152 itu tidak boleh dipinda oleh Parlimen kerana kata putus terletak di tangan Majlis Raja-Raja. Hal ini dinyatakan dengan jelas oleh Perlembagaan di bawah Perkara 159 (5).

1.9.3 Remaja

Remaja diambil dari perkataan latin "*adolensence*" yang bermaksud tumbuh atau tumbuh menjadi dewasa. Istilah "*adolensence*" mempunyai maksud yang lebih luas, iaitu merangkumi kematangan mental, emosional sosial dan fisik (Hurlock, 1992). Pada umumnya remaja ialah kelompok manusia yang berusia dalam lingkungan 12 hingga 21 tahun. Sulaiman Hamzah et al (1965) telah mengklasifikasikan remaja sebagai golongan yang berusia antara 13 hingga 18 tahun bagi lelaki dan 12 hingga 16 tahun bagi perempuan. Dari sudut perkembangan manusia, remaja dapat dirujuk sebagai satu peringkat perkembangan manusia, iaitu peringkat transisi antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa.

Mohammad Salleh Lebar (1999) menjelaskan bahawa pada zaman kini, istilah remaja merujuk kepada individu yang berada dalam lingkungan umur di antara 15-25 tahun, iaitu satu jangka masa yang dianggap begitu panjang. Walau bagaimanapun, empat puluh tahun yang lampau, jangka masa remaja boleh dikatakan pendek, iaitu di antara peringkat umur 15-20 tahun sahaja. Remaja pada ketika itu kebanyakannya berkahwin sekitar umur 16-18 tahun. Namun begitu, pada zaman sekarang keadaan itu berlaku sebaliknya disebabkan oleh perubahan gaya hidup zaman yang serba moden dan mereka terpaksa melalui pelbagai cabaran dan halangan sebelum mendirikan rumah tangga.

1.9.4 Orang Asli

Penggunaan istilah Orang Asal dan selepas itu Orang Asli hanya digunakan semasa ancaman komunis dan pada zaman darurat, iaitu pada sekitar tahun 1948 hingga tahun 1960. Penggunaan istilah ini dikatakan bagi tujuan memujuk Orang Asli untuk membantu pihak kerajaan memerangi ancaman komunis. Masyarakat Orang Asli merujuk kepada warga peribumi, iaitu merupakan komuniti penduduk asal yang terdapat di Malaysia yang mempunyai sedikit perbezaan dengan kumpulan yang diistilahkan sebagai masyarakat bumiputera. Merujuk kepada peruntukan yang terdapat

dalam Akta Orang Asli 1954 menunjukkan bahawa istilah Orang Asli digunakan hanya untuk memberi penjelasan berkaitan dengan status penduduk asal di Semenanjung Tanah Melayu, manakala kaum asal yang lain, iaitu di Sabah dan Sarawak serta orang Melayu di Semenanjung diistilahkan sebagai bumiputera.

Orang Asli merupakan istilah rujukan bagi masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia. Mereka sebelum ini dikenali sebagai Sakai, Jakun dan Semang tetapi perkataan tersebut tidak disenangi oleh Orang Asli tersebut. Hal ini kerana perkataan tersebut dianggap membawa maksud menghina seperti kotor, hamba dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat juga panggilan-panggilan lain yang digunakan, selain daripada Orang Asli, iaitu Orang Darat, Orang Dalam dan Orang Dusun yang kesemuanya membawa maksud orang yang tinggal di kawasan pedalaman. Menurut Carey (1976), panggilan ini adalah tidak tepat kerana kawasan yang berhampiran dengan kawasan Selangor dan Johor turut didiami oleh Orang Asli.

Walaupun bagaimanapun, setelah tertubuhnya Jabatan Orang Asli, iaitu sekarang dikenali dengan Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada awal tahun 1950 perkataan "Orang Asli" telah diguna pakai. Istilah Sakai telah dimansuhkan dan digantikan dengan istilah Orang Asli dan istilah ini telah diselaraskan di semua jabatan kerajaan dan juga dalam kalangan para penyelidik dan pengkaji kumpulan etnik ini. Matlamat ini bertujuan untuk mengelakkan prasangka dan dendam yang kerap terjadi di antara pengkaji dan Orang Asli kerana akibat dari prasangka ini menyebabkan mereka tidak mahu memberi kerjasama yang sewajarnya.

Di Malaysia, Orang Asli merupakan kumpulan minoriti, iaitu 0.5% daripada populasi penduduk Malaysia dan mereka dapat dibahagikan kepada 18 suku kaum (Nicholas, 2000). Masyarakat Orang Asli merupakan golongan minoriti yang sebahagian besarnya masih tinggal di kawasan pedalaman. Orang Asli mengikut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di bawah *Aboriginal Peoples Ordinance* No.3, 1954 yang telah dipinda pada tahun 1974 mentakrifkan seseorang itu layak dikategorikan sebagai Orang Asli serta mendapat keistimewaan sebagai orang Asli apabila :

- i. Mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu;
- ii. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh Orang Asli yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan ialah anggota suatu masyarakat Orang Asli; atau
- iii. Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak

itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat Orang Asli.

- iv. Mana-mana Orang Asli yang oleh sebab memeluk mana-mana agama lain atau kerana apa-apa sebab lain tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli tetapi dia masih mengikut cara hidup orang Asli dan adat Orang Asli atau bercakap bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan tidak lagi menjadi Orang Asli semata-mata oleh sebab dia mengamalkan agama itu.
- v. Apa-apa persoalan sama ada mana-mana orang ialah Orang Asli atau bukan Orang Asli hendaklah diputuskan oleh Menteri.

(Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974, 2006)

1.10 Kesimpulan

Berdasarkan kepada pernyataan masalah, objektif dan kepentingan kajian yang telah dikenal pasti, pengkaji berpendapat bahawa adalah wajar bagi pengkaji untuk melakukan kajian seumpama ini. Hal ini kerana penyelidikan atau kajian yang berkaitan dengan suku kaum Orang Asli Che Wong ini sangat kurang dalam bidang ilmiah atau akademik. Tambahan pula, kajian yang berkaitan dengan status dan kedudukan bahasa suku kaum tersebut juga kurang dijalankan. Sedangkan, suku kaum ini merupakan suku yang sedang diancam dengan kepupusan. Selain itu, walaupun telah ada pengkaji yang mengkaji aspek komunikasi lisan namun masih belum ada yang menjalankan kajian berkaitan komunikasi lisan dalam kalangan masyarakat Orang Asli, khususnya masyarakat Orang Asli Che Wong. Untuk melahirkan masyarakat yang berkeupayaan dan berkebolehan dalam berkomunikasi dalam bahasa Melayu, tidak mungkin tercapai sekiranya komunikasi lisan dalam kalangan masyarakat Orang Asli dan masyarakat umumnya masih rendah. Oleh itu, pengkaji ingin mengisi ruang bagi menjalankan kajian tersebut dengan bantuan Teori Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003) untuk melihat komunikasi lisan mereka, Teori Mandala dan Teori Tipologi Keterancaman Bahasa, iaitu dengan menggunakan Kerangka Edward dan Model Sasse untuk mengetahui status dan kedudukan bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong.

BIBLIOGRAFI

- Asmah Haji Omar. (2006). *Panduan Wacana Akademik, Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharom Azhar Raffie'i. (1972). *Some Aspects of The Relationship of The Orang Asli and Other Malaysian*. Kuala Lumpur: JHEOA.
- Bailey, K.D. (1984). (terjemahan Hashim Awang). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloch, B. dan Trager, G.L. (1942). *Outline of Linguistic Analysis*. USA : Linguistic Society of America.
- Boon Pong Ying dan Ragbir Kaur. (1998). *Siri Bimbingan Diploma Perguruan Psikologi II (Semester II)*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Brown, H.D. (2001). *Teaching by Principles: An Interactive Approach to Language Pedagogy*. New York: Addison Wesley Longman Inc.
- Carey, Iskandar. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur & New York: Oxford University Press.
- Dell Hymes. (1972). *Models of The Interaction of Language and Social Life*. In J. Gumperz & D. Hymes (Eds.), *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. New York: Holt, Rinehart, Winston.
- Dorian, N.C. (1981). *Language Death: The Life Cycle of a Scottish Gaelic Dialect*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Faisal Rosman. (2009). "*Bahasa Perbualan dan Pertuturan Masyarakat Orang Asli*". Tesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Fasold, R. W. (1984). *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Basil Blackwell.
- Fishman, J.A. (1972). *Language In Sociocultural Change*. California: Stanford University Press.
- Ghazali Lateh. (2007). "*Interaksi Dalam Ujian Lisan Berasaskan Sekolah dalam Kalangan Remaja*". Tesis PHD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Grimes. (2002). *The Electromagnetic Origin of Quantum Theory and Light*. New Jersey: World Scientific.

- Hazlina Abdul Halim. (2012). *Pengaruh Bahasa Melayu dalam Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Perancis*. Universiti Putra Malaysia.
- Hood Salleh. (2006). *Peoples and Traditions*. The Encyclopedia of Malaysia Vol. 12. Singapore: Archipelago Press.
- Hurlock, E.B. (1980). *Psikologi Perkembangan (Suatu Pendekatan Sepanjang Rentang Kehidupan)*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Hymes, D. (1972). *On Communicative Competence*. Di dalam *Sociolinguistics* by Pride, J.B. & Holmes, J. (ed.). Harmondworth: Penguin Books.
- Hymes, Dell. (1974). *Foundations of Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania.
- JHEOA. (2008). *Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli*. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia.
- JHEOA. (2012). *Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli*. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia.
- J. Nulawadin Mustafagani. (1991). *Asas Kemahiran Berbahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Juli Edo. (1998). "*Claiming Our Ancestor's Land – An Ethnohistorical Study of Seng – Oi Land Rights in Perak Malaysia*". Disertasi Doktor Falsafah, Australian National University.
- Kamarudin Hj Husin. (1998). *Pedagogi Bahasa: (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Kamarudin Hj. Husin. (1998). *Penguasaan Kemahiran Membaca: Kaedah dan Teknik Membaca*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Kamarudin Hj. Husin. (1999). *Pengajaran lisan: Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif Dan Kualitatif*. Shah Alam : Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Littlejohn, S.W. (2002). *Theories of Human Communication*. 7th edition. Belmont, CA: Wadsworth
- Lutfi Abas. (1972). *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu (cetakan ke dua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mat Jidin Ahmad. (1994). *Sastera Rakyat dalam Masyarakat Orang Asli*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Md. Sabri Che Man. (2010). "*Wacana Wawancara Formal Bahasa Melayu: Satu Kajian Etnografi Komunikasi*". Tesis PHD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Saleh Lebar. (1999). *Memahami Psikologi*. Thinker's Library Sd. Bhd
- Mohd Sheffie Abu Bakar. (1987). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2000). *Kelestarian Bahasa Mandailing di Malaysia: Satu Tinjauan Sosiologi Bahasa*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Asli Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Kanaq Di Johor*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazirah Mohd Nordin. (2010). "*Tahap Penguasaan Penulisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Orang Asli di Daerah Hulu Langat, Malaysia*". Tesis PHD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Nicholas, C. (2000). *The Orang Asli and The Contest for Resources: Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Nor Hisham Osman. (1994). *Kajian Pemilihan Bahasa di Kawasan Perumahan Ulu Dedap Seberang Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hisham Osman. (1999). "*Pemeliharaan Dan Penyisihan Bahasa: Kajian Kes Terhadap Komuniti Minoriti Rajang- Tanjong*". Thesis PHD. Jabatan Pengajian Melayu Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahabudin Salleh. (2003). *Masalah Penguasaan Bahasa Arab Komunikasi di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

- Saville-Troike, Muriel. (1991). *Etnografi Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saville-Troike, Muriel. (2003). *Ethnography of Communication: An Introduction*. 3rd Edition. Oxford: Blackwell Publishing.
- Schensul, Stephen L. (1999). *Essential Ethnographic Methods: Observations, Interviews, and Questionnaires*. Walnut Creek, Calif: AltaMira Press.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi dan Kognisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Hamzah et al. (1965). *Aliran Pendidikan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Tarmizi Ahmad. (1997). “*Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*”. Disertasi Sarjana Bahasa Moden. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Taylor. (1982). *Meetings Discussion*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti.
- Wan Khairulhusna Wan Mokhtar. (2011). “*Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq dan Mah Meri Berdasarkan Aspek Fonologi dan Leksikal*”. Tesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Winstedt, R.O. (1994). *A History of Classical Malay Literature*. Oxford: Oxford University Press.
- Winstedt, R.O. (1950). *The Malays : a cultural history*. London : Routledge & Kegan Paul.
- Zainal Abidin Bin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*. Tesis PHD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2002). “*Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*”. Tesis PHD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Zarina Ahmad. (2009). “*Keterampilan Bertutur dalam Kalangan Institusi Pendidikan Guru di Selangor*”. Tesis PHD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Zawawi Ismail. (2008). *“Penilaian Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama”*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkifley Ahmad. (2007). *Konsep Bahasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Artikel dan Jurnal

Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali dan Mohd Hasani Dali. (2011). *“Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai Literasi Bahasa Melayu”*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu Malay Language Journal Education (MyLEJ) 1 (2), 59-70.

Awang Sariyan. (1995). *“Kamus Sebagai Sumber Pendidikan Bahasa”*, dalam Dewan Bahasa, Jilid 39, bil. 7, Julai 1995, hlm. 580-586.

Awang Sariyan. (1995). *“Pengantarabangsaan Bahasa Melayu Melalui Institusi Pendidikan Tinggi: Catatan tentang Pengalaman Universiti Islam Antarabangsa Malaysia”*. Kongres Bahasa Melayu Sedunia: Kumpulan Kertas Kerja Jilid 1 (A-L). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). *“Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa Arab”*. GEMA Online™ Journal of Language Studies 12(1), 325-337.

Bailey, K.D. (2005). *Fifty Years of Systems Science: Further Reflection*. Systems Research and Behavioural Science, 23: 355-300.

Berita Harian. (2005). *“Enggan Bersosial Halangan Utama Siswazah dapat Kerja”*. Berita Harian, 13 Ogos 2005.

Cystal, D. (2002). *Mengapakah Bahasa Mati?* (Azizah Md. Hussin, Penterjemah). Jurnal Bahasa, 2(3), 309-333.

Fenstermacher, G.D. & Richardson, V. (2005). *On Masking Determination Of Quality In Teaching*. Teachers College Record, 107: 186-213.

Fishman, J. A. (1972). *Domains and The Relationship Between Micro-and Macrosociolinguistics*. Dalam John J. Gumperz & Dell Hymes. (Eds.), *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication* (ms. 435-453). New York: Basil Blackwell Ltd.

Hurlock, E.B. (1992). *Psikologi Perkembangan Anak*. Jilid 1 dan 2. Jakarta: Penerbit Erlangga.

- Mahzan Arshad. (2003). *“Penggunaan Kamera Video bagi Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi dalam Pengajaran Bahasa Melayu”*. Jurnal Pendidikan, 23,113-122.
- Media Sandra Kasih. (2003). *“Analisis Kontrastif dan Keanekabahasaan”*. Jurnal Bahasa, 47(10), 36-40.
- Mohd. Nizam Mohamed Yunos dan Norhayati Eng Abdullah. (2006). *“Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi dalam Kalangan Murid-Murid Tahun 2K di SJK (C) ST. Joseph”*. Jurnal Kajian Tindakan Negeri Johor.
- Mustaffa Omar. (2013). *“Status Modal Insan Dalam Menjamin Kelestarian Hidup Suku Che Wong dan Jahut: Satu Analisis Perbandingan”* dalam Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Jilid 3 (2013) 1195 – 1209, Johor Bahru, pada 7 – 9 Jun 2013.
- Nor Shafarin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che Aman. (2009). *“Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia”*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 24, 125-142.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2007, Januari). *Retorik Politik, Kata-kata Sakti Pemujukan*. Dewan Bahasa, 7(1), 24-26.
- Ravichandran, M. (1997). *“Bahasa Komuniti Chitty Melaka: Tinjauan Sejarah, Persoalan Linguistik, dan Pola Umum”*. Kuala Lumpur : Jurnal Dewan Bahasa.
- Ravichandran, M. (2009). (unpublished). *“Malacca Chitty Community: Struggle for Identity and Respect”*. Paper Presented at The 3rd SSEASR Conference, Bali. Indonesia. June 3-6, 2009.
- Rohani Mohd Yusof dan Nur Hidayah Mohamed Sulaiman. (2010). *Fenomena Bahasa Orang Asli Melayu – Proto Kajian Suku Duano*, dalam Persidangan Antarabangsa Bahasa Minoriti dan Majoriti: Bahasa, Budaya dan Identiti, Anjuran Persatuan Bahasa Moden Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak di Hotel Hilton, Kuching, pada 23-24 November 2010.
- Tay Meng Guat. (2013). *“Komunikasi Interpersonal dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Semasa Praktikum”*. Jurnal Penyelidikan IPG KBL, Jilid 11, 1-17.
- Teo Kok Seng. (2002). *Penggunaan Bahasa Tidak Baik dalam Penyiaran*. Dewan Bahasa, 2(9), 16-23.
- Teo Kok Seng. (2006). *Kerancuan dalam Bahasa Melayu*. Jurnal Bahasa, 6(1), 697-712.

Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). *Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di SMKA di Malaysia*. GEMA Online™ Journal of Language Studies 11(2), 67-82.

Sumber Internet

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia (JHEOA). (2009). *Masyarakat Orang Asli* (atas talian) <http://jheoa.gov.my> (20 November 2013).

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang. (2006). *Undang-Undang Malaysia: Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974* (atas talian) <http://poasm.org/doc/Akta%20134.pdf> (30 Oktober 2013).